



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR**

### **4 Aug2021 (Wednesday)**

#### **Utusan Malaysia**

Pencemaran Sungai Kim Kim terus berlaku tiada penyelesaian 1

#### **Harian Metro**

Urus jenazah kurang 24 jam 2

De Mrga kembali kebalkan TFC 3

#### **Kosmo**

RM800 kos tayamum 4

#### **Sinar Harian**

1,500 kilang laksana pois kawal penularan Covid-19 5

Gangguan kutipan sampah di 14 zon MPK 6

SelVax komuniti mula dibuka untuk pendaftaran 7

JAIS teliti semula penglibatan NGO urus jenazah Covid-19 8

Pengurusan jenazah Covid-19 di Selangor tidak lebih 24 jam 9

#### **Selangor TV**

Dun Kinrara Salur Bakul Makanan Kepada 300 Penduduk Terjejas 10

MPS Sita Barang Perniagaan Haram Warga Myanmar 11

PeBS Jadi Suara Belia Selangor 12

Selvax Dun Banting Berjalan Lancar, Turut Libat Warga Asing 13

#### **TV3**

Pengurusan Jenazah Beragama Islam Tidak Lebih 24 Jam 14

#### **The Star**

FEEDBACK NEEDED 15

MUSEUM ACTIVITIES 16

More plastic waste at two recycling centres in Selangor 17

PJ Section 5 residents wonder about survey work 18

THE VALUE FOR EVERY DROP OF WATER YOU CONSUME 19

#### **New Straits Times**

TROPICANA CELEBRATES 25 YEARS OF SUCCESSFUL PARTNERSHIPS 20

#### **Traxx FM (90.3)**

The Funeral Arrange Involved Muslim Covid-19 Would Not Be More 24 Hour 21

#### **China Press**

MPK's cleaners are screened, garbage collection is affected. 22

#### **Sin Chew Daily**

Cleaners at Klang section 14 to undergo Covid-19 screening; Daily rubbish collection and cleaning may be affected 23

Unbelievable! Walk-in visitors queuing up 6 hours early for vaccinations 24

#### **Nanyang Siang Pau**

Selangor launch discount carfare for Grab rides to vaccination center; Over million people apply and application open until September 30th 25



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



### **Guang Ming Daily**

Kajang Market reopens, only 40% of the stalls are operate

26

Amirudin: More than 1,500 factories in Selangor implemented POIS, to help prevent workplace infections

27

### **Astro Vinmeen HD**

perancangan vaksin selvax

28



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

4 August 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Pencemaran Sungai Kim Kim terus berlaku tiada penyelesaian
Muka Surat	:	13

# Pencemaran Sungai Kim Kim terus berlaku, tiada penyelesaian

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD  
 aimy.ahmad@mesdarmula.com.my

**JOHOR BAHRU:** Pencemaran Sungai Kim Kim dan anak-anak sungai yang bersambungan tidak mustahil terus berlaku selagi punca-punca yang menyumbang kepada keadaan itu tidak diuruskan dengan baik.

Pakar Kualiti Air dan Permodelan, Dr. Zaki Zainuddin berkata, risiko pencemaran sungai terus wujud, tambahan pula Sungai Kim Kim dipengaruhi oleh fenomena air pasang surut yang menjadikannya lebih sensitif kepada pencemaran.

"Pertama sekali, saya amat sedih apabila mendengar insiden pencemaran berlaku di Sungai Kim Kim sekali lagi. Ia telah mendapat perhatian seluruh negara, malah, pelbagai inisiatif penjagaan sungai dimulakan oleh pihak berwajib, namun, insiden-insiden pencemaran masih berlaku.

"Seperti diketahui, pelepasan pelepasan bahan pencemar ke Sungai Kim Kim berkait rapat dengan pembangunan atau guna tanah di dalam dan sekitar lembangan sungai.

"Ini bukan sahaja merujuk kepada pembangunan industri, tetapi sumber pencemaran domestik dan komersial seperti



**KAKITANGAN JAS** melakukan pemantauan di Sungai Kim Kim selepas menerima aduan bau busuk daripada penduduk berhampiran Kampung Bukit Pulai di Pasir Gudang, Johor.

sisa kumbahan dan sebagainya," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Rabu lalu, sungai yang terletak di kawasan perindustrian

Pasir Gudang itu sekali lagi menjadi tumpuan apabila penduduk melaporkan perubahan air berwarna hitam disusuli bau busuk berhampiran Kampung

Bukit Pulai.

Meskipun bukan pencemaran sisa toksik seperti yang berlaku pada Mac 2019 yang membabitkan 6,000 mangsa, penduduk

tetap trauma dan fobia dengan sebarang kejadian pencemaran di Sungai Kim Kim sejak insiden besar tersebut.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri melaporkan, pencemaran terbaharu itu disebabkan terdapat premis sedang menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan sehingga menyebabkan berlakunya pelepasan air sisa buangan tanpa dirawat mengalir memasuki sungai berhampiran.

Sementara itu, Zaki berkata, bukan setakat Sungai Kim Kim sahaja yang dipengaruhi fenomena air pasang surut, tetapi sungai-sungai lain di sekitar Pasir Gudang seperti Sungai Perembi, Sungai Buluh, Sungai Latoh, Sungai Tukang Batu dan Sungai Kopok turut berdepan situasi sama.

"Awal bulan lalu juga terdapat insiden pencemaran di Sungai Kopok, iaitu lembangan sungai yang terletak bersebelahan Sungai Kim Kim. Kesemua sungai ini sebenarnya tercemar atau pernah mengalami pencemaran serius.

"Saya khuatir jika pembangunan di kawasan berkenaan tidak dirancang dengan bijak, lebih banyak sungai berdekatan akan mengalami pencemaran serius pada masa hadapan," ujarnya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

4 August 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Urus jenazah kurang 24 jam
Muka Surat	:	6

Oleh Norzamira  
Che Noh  
am@hmetro.com.my

### Shah Alam

**P**engurusan jenazah pesakit Covid-19 beragama Islam di tiga hospital di Selangor kini tidak melebihi tempoh 24 jam susulan pelaksanaan inisiatif pengurusan jenazah dilaksanakan kerajaan negeri.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, pihaknya juga dalam perbincangan dengan pengendali mayat pesakit Covid-19 bukan Islam bagi proses pengurusan yang sebelum ini memakan masa sehingga empat hari.

"Alhamdulillah, suka saya maklumkan bahawa tiada lagi 'limpahan' jenazah pesakit Covid-19 di Hospital Tengku Ampuan Rahimah

# Urus jenazah kurang 24 jam

*Inisiatif kerajaan Selangor berjaya kurangkan masa pengurusan di tiga hospital*

(HTAR) seperti dilaporkan sebelum ini.

"Ia selepas beberapa inisiatif yang kita laksanakan termasuk menjadikan tiga hospital iaitu HTAR, Hospital Shah Alam dan Hospital Sungai Buloh sebagai pusat pengurusan jenazah Covid-19.

"Kini, Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) berbincang dengan pengendali bagi mempercepatkan proses pengur-

saan mayat bukan Islam," katanya ketika ditemui selepas sesi lawatan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Universiti Teknologi Mara (UiTM) di sini, semalam.

Dalam pada itu Amirudin memaklumkan, 30 peratus individu di negeri ini sudah menerima dua dos vaksin Covid-19 sehingga kelmarin.

"Dalam tempoh 20 hari lagi kita capai 50 peratus. Maknanya sehingga akhir Ogos, kita mungkin hampir mencapai 60 peratus.

"Bagaimanapun, kita tidak boleh berpuas hati dengan angka ini justeru pelbagai inisiatif akan dilaksanakan termasuk menumpukan suntikan vaksin kepada warga asing sama ada yang berdokumen atau tidak," katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**4 August 2021**

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	De Murga kembali kebalkan TFC
Muka Surat	:	45

**Kuala Terengganu:** Benteng Terengganu FC (TFC) kembali kebal dengan kehadiran kapten, Carli De Murga apabila pasukan itu bertemu Petaling Jaya City FC (PJ City FC) di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya, malam ini.

Pemain kacukan Filipina-Sepanyol berusia 33 tahun itu yang menyertai TFC awal musim ini hanya sempat beraksi 25 minit ketika pasukannya tumpas kepada Melaka United FC (MUFC) minggu lalu sebelum terlepas aksi bertemu Sabah FC pada Ahad.

Pengendali TFC, Nafuzi Zain berkata, kehadiran semula De Murga daripada kecederaan begitu diharapkan bagi memperkukuhkan benteng pertahanan dalam misi memburu tiga mata.

Malah katanya, lebih menceriaikan kem skuad Penny apabila beliau boleh menurunkan kembali lima tonggak import berbanding empat ketika bertemu Sabah FC.

“Ketika menentang Sabah FC, pemain kebangsaan Mali, Makan Konate dikorbankan kerana kami membawa masuk pertahanan skuad Terengganu FC II (TFC II), Argzim Redzovic bagi menggantikan tempat De Murga yang tidak dapat diturunkan akibat kecederaan.

“Kepulangan semula pertahanan dari Filipina itu te-

# De Murga kembali kebalkan TFC



**LIGA SUPER**

**HARI INI**

Sabah **mln** KL City  
 Std Likas, Kota Kinabalu, 9 mlm

PJ City **mln** Terengganu  
 Std MBPJ, Kelana Jaya, 9 mlm

pat pada masanya sekali gus membolehkan kami menurunkan lima pemain import, ini bermakna TFC kembali dengan kesebelasan terbaik berdepan PJ City dalam misi mendapatkan mata penuh,” katanya.

Ketika ditanya mengenai pemain pinjaman dari Sri Pahang, Lee Tuck, beliau akui bekas kapten pasukan TFC musim lalu itu masih belum cergas sepenuhnya daripada kecederaan dan kini dalam proses pemulihan.

“Saya jangka aksi bertemu PJ City FC belum sesuai lagi buat Tuck yang masih dalam proses pemulihan daripada kecederaan sebelum liga disambung semula pada Julai lalu,” katanya.

TFC yang kini mengahuni di tangga kedua liga tewas 0-2 bertemu MUFC dan terikat 0-0 dengan Sabah FC Ahad lalu.



DE Murga



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>4 August 2021</b>		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	RM800 kos tayamum
Muka Surat	:	12

Keluarga mangsa Covid-19 kesal 'ustaz' caj tinggi

## RM800 kos tayamum

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

**SHAH ALAM** - Pengurusan jenazah Covid-19 di Selangor dipercayai digunakan pihak tertentu untuk mengaut keuntungan apabila sebuah keluarga di Jeram, Kuala Selangor dekat sini menjadi mangsa mereka baru-baru ini.

Kejadian dikatakan berlaku pada 30 Julai lalu apabila seorang individu dengan gaya alim ulama mengenakan caj sehingga RM800 dalam proses pengurusan tayamum jenazah.

Mangsa tersebut dikenali Nurain, 28, berkata, mereka telah didekati seorang lelaki dengan perwatakan seperti ustaz menawarkan perkhidmatan pengurusan jenazah Covid-19 dengan menyatakan hanya untuk proses tayamum di Hospital Tanjong Karang.

Katanya, lelaki tersebut mengenakan caj sehingga RM800 dengan memberikan resit pembayaran seperti digunakan di kedai runcit dengan menyatakan tujuan resit untuk mengurus memandikan dan mengkafkan jenazah.



KERATAN Kosmo/ 22 Julai 2021.

"Arwah ayah berusia 75 tahun disahkan meninggal dunia akibat Covid-19 pada 28 Julai lalu sebelum dibenarkan untuk proses pengebumian pada Jumaat lalu.

"Kami kemudian membayar pengurusan tersebut hasil perkongsian wang sesama ahli keluarga sebelum diberikan resit sebegini," katanya ketika dihubungi Kosmo/ di sini semalam.

Bercerita lanjut, Nurain berkata, selepas proses pengebumian tersebut salah seorang individu telah menanyakan kos dan terkejut bahawa dikenakan sehingga RM800 sedangkan proses tayamum tersebut adalah percuma.

Ujarnya, perkara itu me-

nyebabkan mereka terkilan kerana sebelum ini hanya mendengar tular berkenaan penipuan kos tayamum sebelum menjadi mangsa.

Sementara itu, Pengerusi dan Pengasas Unit Khas Van Jenazah (UKVJ) yang dikenali Wan Cai berkata, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) harus melakukan pemantauan lebih kerap terhadap mana-mana pihak yang mengenakan caj tayamum ini.

Kosmo/ sebelum ini melaporkan kadar kematian yang tinggi akibat jangkitan Covid-19 khususnya di Selangor menyebabkan ada pihak yang didakwa cuba mengaut keuntungan dengan mengenakan caj yang tinggi untuk menguruskan jenazah.

Perkara itu dipercayai berlaku kepada si mati yang beragama Islam dengan kewujudan kartel-kartel tertentu yang mengenakan caj tayamum sehingga RM730 bagi jenazah perempuan dan RM680 bagi jenazah lelaki walaupun proses itu hanya mengambil masa kurang seminit dan menggunakan debu tayamum berharga RM5.



RESIT pembayaran pengurusan jenazah Covid-19 yang dibayar keluarga Nurain yang tular di Facebook baru-baru ini.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>4 August 2021</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	1,500 kilang laksana pois kawal penularan Covid-19
Muka Surat	:	22

Inisiatif oleh STFC itu mampu bendung kes positif bagi membolehkan kilang terus beroperasi

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN  
 TAHIR

**SHAH ALAM**

**K**ira-kira 1,500 kilang di Selangor sudah melaksanakan Sistem Pencegahan Penularan di Kawasan Titik Panas (POIS) bagi mengawal penularan Covid-19 dalam sektor industri di negeri ini.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, inisiatif yang dilaksanakan pada 29 Januari lalu itu berjaya mengawal pandemik dengan lebih berkesan dan mengurangkan kluster di tempat kerja yang boleh mencecah sehingga 50 peratus.

Menurut beliau, POIS merupakan sistem saringan



yang tersusun untuk Kilang dan tempat kerja berikutan sektor itu berpotensi mewujudkan kluster Covid-19.

"Syarikat berperanan aktif melaksanakan inisiatif saringan ini dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS), Selgate Corporation Sdn Bhd, semua pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Federation of Malaysian Manufacturers (FMM)," katanya yang memuat naik status dan infografik di Facebook beliau pada Selasa.

Inisiatif oleh Pasukan Petugas Pencegahan Covid-19 Selangor (STFC) itu dapat membendung kes positif bagi membolehkan kilang atau pejabat terus beroperasi.

Menerusi sistem itu, majikan yang mendaftar hanya perlu menubuhkan jawatan-

kuasa untuk mengenal pasti lokasi dan aktiviti berisiko tinggi.

Dalam perkembangan sama, Amirudin berkata, selain inisiatif POIS, kerajaan negeri turut melaksanakan Program Vaksin Selangor (SelVax) industri yang merupakan program penawaran vaksin Covid-19 kepada syarikat berminat bagi memastikan imuniti kelompok dalam kalangan pekerja.

"Majikan akan membeli dos vaksin untuk diberikan kepada pekerja mereka dengan syarat tidak mengenakan sebarang kos," jelas beliau.

Beliau memberitahu, kedua-dua program utama itu adalah khusus untuk memanfaatkan industri ekonomi di Selangor.

"Ini sebahagian daripada usaha di bawah bidang kuasa kerajaan negeri bagi meminimumkan penularan Covid-19 di tempat kerja," tegasnya.

# 1,500 kilang laksana POIS kawal penularan Covid-19



Maklumat yang dikongsi Amirudin di Facebook beliau pada Selasa.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

4 August 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Gangguan kutipan sampah di 14 zon MPK
Muka Surat	:	22

### Gangguan kutipan sampah di 14 zon MPK

**KLANG** - Sebanyak 14 zon di bawah Majlis Perbandaran Klang (MPK) akan mengalami gangguan operasi kutipan sisa pepejal susulan pelaksanaan ujian saringan Covid-19 ke atas pekerja pembersihan pada Selasa.

Ketua Media dan Perhubungan Awam KDEB Waste Management,

Mahfuzah Muhammad Tarmidi berkata, ia juga disebabkan kerja sanitasi ke atas jentera kutipan sisa pepejal.

Bagaimanapun, menurutnya, operasi tetap berjalan seperti biasa menggunakan khidmat pekerja sokongan bagi memastikan kutipan dapat dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan.





## KERATAN AKHBAR

4 August 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	SelVax komuniti mula dibuka untuk pendaftaran
Muka Surat	:	22

## SelVax Komuniti mula dibuka untuk pendaftaran

**SHAH ALAM** - Program Vaksin Selangor (SelVax) kini dibuka bagi prapendaftaran untuk meningkatkan lagi pemberian vaksinasi kepada seluruh rakyat di negeri ini.

Exco Kesihatan Awam, Perpaduan, Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dr Siti Mariah Mahmud berkata, pendaftaran itu mula dibuka selama 10 hari bermula pada Selasa hingga 13 Ogos ini.

"Orang ramai boleh menggunakan kod baucar tertera di poster bagi mendapatkan vaksin di PPV berhampiran bermula jam 9 pagi hingga 6 petang," katanya yang memuat naik status dan infografik di Facebook beliau pada Selasa.

Siti Mariah berkata, orang ramai diingatkan memuat naik aplikasi SeLangkah untuk membuat pendaftaran.

"Program SelVax percuma kepada penduduk Selangor berusia 18 tahun ke

atas," jelas beliau.

Menurut beliau, sebanyak lima slot vaksinasi bagi program SelVax kepada penduduk warganegara.

"Lima slot itu ialah di Tropicana Garden Mall, Kota Damansara, Evo Mall, Bandar Baru Bangi, Hotel De Palma, Shah Alam dan Aurora Place, Bukit Jalil.

"Bagi slot vaksinasi bukan warganegara pula diadakan di Kompleks Sukan PKNS, Kelana Jaya yang hanya bermula pada 10 hingga 13 Ogos," katanya.

Katanya, orang ramai juga boleh mengikuti laman sosial Selgate atau SeLangkah bagi pengumuman kod baucar di dewan komuniti.

"Slot vaksinasi di dewan khas komuniti telah ditetapkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) atau Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) mengikut jadual yang telah ditetapkan," katanya.



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>4 August 2021</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	JAIS teliti semula penglibatan NGO urus jenazah Covid-19
Muka Surat	:	27

# JAIS teliti semula penglibatan NGO urus jenazah Covid-19

Ketetapan itu dibuat berikutan kes jenazah mengambil masa lama untuk diuruskan

Oleh ENGGU SHARIFUL AZNI

SHAH ALAM



MOHD SHAHZIHAN

Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) mengambil keputusan untuk meneliti, menilai dan menstruktur semula peranan serta penglibatan badan bukan kerajaan (NGO) Islam dalam pengurusan jenazah Covid-19 di negeri ini.

Pengarahnya, Datuk Mohd Shahzihan Ahmad berkata, ketetapan itu dibuat setelah beberapa isu berbangkit melibatkan NGO berikutan kes jenazah yang mengambil masa lama untuk diuruskan di beberapa hospital di Selangor.

Beliau memberitahu, JAIS sememangnya mengakui penglibatan NGO memberi sumbangan besar dalam pengurusan jenazah Covid-19.

"Bagaimanapun, penglibatan pihak berkenaan tetap perlu

diselaras, dipantau dan dibantu sesuai dengan tanggungjawab JAIS sebagai agensi yang mengurus hal ehwal Islam di Selangor," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Justeru, tegas beliau, mana-mana NGO yang berhasrat untuk bersama JAIS adalah dipelawa untuk bersama-sama rakan NGO sedia ada untuk menunaikan tuntutan fardu kifayah dengan syarat sanggup mematuhi syarat dan kod etika yang ditetapkan JAIS.

"NGO yang diiktiraf hendaklah melaksanakan tanggungjawabnya berdasarkan prinsip hukum syarak, khidmat bakti dan mengutamakan kepentingan umum.

"JAIS komited dan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak atau individu

yang mengeneipkan kepentingan umum dan mengeksploitasi keadaan genting ini untuk kepentingan lainnya," katanya.

*Sinar Harian* pada Isnin melaporkan mengenai penjelasan JAIS berhubung beberapa dakwaan dibangkitkan oleh NGO berkaitan ketetapan baharu pengurusan jenazah Covid-19 di Selangor.

Kenyataan yang dikeluarkan oleh sebuah NGO dikenali sebagai Unit Kenderaan Van Jenazah (UKVJ) yang menggunakan akaun nama Facebook, Mr Wan Cai Official pada Sabtu mendakwa JAIS tidak lagi membenarkan mana-mana NGO menguruskan jenazah Covid-19 di semua hospital di Selangor.

Mohd Shahzihan berkata, beberapa pihak 'menyerang'

JAIS di media sosial sebelum ini boleh menimbulkan perspektif buruk terhadap dasar baharu itu yang telah dikuatkuasakan sejak 28 Julai lalu.

"JAIS menjalin kerjasama berterusan dengan lebih lapan NGO dengan kekuatan lebih 130 sukarelawan yang terlibat secara langsung dan menghargai sumbangan pihak tersebut yang mengendalikan pengurusan sebanyak 2,071 jenazah Covid-19 dengan baik sejak Januari 2021.

"Sebarang ketetapan, pendekatan yang dilaksanakan oleh JAIS adalah demi kepentingan umat Islam seluruhnya dan semua pihak termasuk pihak hospital, para petugas, sukarelawan, keluarga atau waris, agensi serta pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung," katanya.



## KERATAN AKHBAR

4 August 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Pengurusan jenazah Covid-19 di Selangor tidak lebih 24 jam
Muka Surat	:	27

# Pengurusan jenazah Covid-19 di Selangor tidak lebih 24 jam

**SHAH ALAM** - Pengurusan jenazah pesakit Covid-19 yang beragama Islam di tiga hospital di Selangor kini tidak melebihi tempoh 24 jam susulan pelaksanaan inisiatif pengurusan jenazah yang dilaksanakan kerajaan negeri.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, pihaknya sedang berbincang dengan pengendali mayat pesakit Covid-19 bukan Islam bagi mempercepat proses pengurusan yang sebelum ini memakan masa sehingga empat hari.

"Alhamdulillah, suka saya maklumkan bahawa tiada lagi 'limpahan' jenazah pesakit Covid-19 di hospital seperti yang dilaporkan sebelum ini selepas inisiatif Pengurusan Jenazah Covid-19 Berpusat dijalankan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang, Hospital Shah Alam dan Hospital Sungai Buloh.

"Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Nor Azmie Diron sedang berbincang dengan pengendali bagi mempercepat proses pengurusan mayat bukan Islam," katanya pada pemberita selepas melawat pusat pemberian vaksin (PPV) di Universiti Teknologi MARA Shah Alam pada Selasa.

Beliau juga berkata, sehingga semalam kadar individu dewasa di Selangor yang melengkapkan dua dos vaksinasi telah mencecah 30 peratus dan dijangka mencapai lebih 50 peratus pada akhir bulan ini.

"Bagaimanapun, kita tidak boleh ber-

puas hati dengan angka ini justeru pelbagai inisiatif akan dilaksanakan termasuk menumpukan suntikan vaksin kepada warga asing sama ada yang berdokumen atau tidak," katanya.

Amirudin berkata, sesi janji temu dos kedua kepada penerima vaksin secara *walk-in* atau jumpa terus dalam program Vaksin Selangor (SeLVAX) akan dimaklumkan menerusi aplikasi SeLangkah bagi mengelakkan berlaku kesesakan di PPV.

Beliau berkata demikian ketika mengulas dakwaan berlakunya kesesakan di PPV SeLVAX yang mula menerima individu secara *walk-in* semalam.

*Bernama*



AMIRUDIN



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR**

**3 August 2021**

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Dun Kinrara Salur Bakul Makanan Kepada 300 Penduduk Terjejas
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



### **KERATAN AKHBAR**

**3 August 2021**

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	MPS Sita Barang Perniagaan Haram Warga Myanmar
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

**3 August 2021**

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	PeBS Jadi Suara Belia Selangor
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR**

**3 August 2021**

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Selvax Dun Banting Berjalan Lancar, Turut Libat Warga Asing
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



### **KERATAN AKHBAR**

**3 August 2021**

Akhbar	:	TV3
Tajuk Berita	:	Pengurusan Jenazah Beragama Islam Tidak Lebih 24 Jam
Muka Surat	:	-





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



### **KERATAN AKHBAR**

**4 August 2021**

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	FEEDBACK NEEDED
Muka Surat	:	2

## **FEEDBACK NEEDED**

Kajang Municipal Council (MPKj) is seeking public feedback for its MPKj Strategic Plan 2021 - 2025.

Stakeholders can view the plan via [shorturl.at/otDIZ](http://shorturl.at/otDIZ) and submit their feedback at [shorturl.at/jBHM3](http://shorturl.at/jBHM3)



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR**

**4 August 2021**

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	MUSEUM ACTIVITIES
Muka Surat	:	2

## **MUSEUM ACTIVITIES**

> Muzium Petaling Jaya is organising an online quiz from Aug 2 to 6. It is open to Malaysians aged 13 and above. This year's theme is about the museum and the history of Petaling Jaya. For details, visit [www.surveymonkey.com/r/kuizmuzium](http://www.surveymonkey.com/r/kuizmuzium)

> The museum is also hosting an exhibition on the variety of teapots with the theme 'Tea: Culture & Tradition', from now until Aug 19. Part of the exhibition will be held online at [muziumpj.mbpj.gov.my](http://muziumpj.mbpj.gov.my). For details, email [unitmuzium@mbpj.gov.my](mailto:unitmuzium@mbpj.gov.my)



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>4 August 2021</b>		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	More plastic waste at two recycling centres in Selangor
Muka Surat	:	3



KDEBWM's recycling centre in Bandar Bukit Puchong, Selangor, has seen an increase in plastic waste such as food containers and packaging materials from online shopping.

## More plastic waste at two recycling centres in Selangor

THE first six months of this year has seen an average of 60 tonnes of recyclable plastic waste sent to two recycling centres operated by KDEB Waste Management (KDEBWM) in Selangor.

This is more than twice what it used to receive pre-pandemic. Some 8,941 tonnes of recyclable plastic waste were collected and sent to two of its recycling centres between January and June this year.

In comparison, about 4,521 tonnes of waste were collected throughout 2020 and 7,536 tonnes in 2019.

The significantly lower figure for 2020 was due to the movement control order where recycling centres were not allowed to operate.

KDEBWM managing director Ramli Mohd Tahir said although there were no exact numbers for plastic wastes being disposed of in landfills, KDEBWM had observed an upward trend.

"Our primary activities are collecting and transporting waste to the landfill.

"However, we have seen that plastic wastes such as food containers and packaging materials from online shopping have increased, especially in urban areas.



Ramli says ideally, there should be a recycling facility under each local council.

"By looking at the data of recyclable plastic waste collected and sent to our recycling centres in Klang from 2019 to June 2021, the quantity is increasing every year," he told *StarMetro*.

Plastic bottles, bags and food containers make up the bulk of items sent to the recycling facilities.

